

Salasilah Sanad Kitab *Turath* Hadis dalam *al-Athbat wa al-Masanid* (AWM) Nusantara: Analisis *Ghayah al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh Karya al-Musnid* Syeikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati (1980-2020m)

[Genealogy of the Chain of Hadith Works in *al-Athbat wa al-Masanid* (AWM) of the Archipelago: Analysis of *Ghayah al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh* by *al-Musnid* Syeikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati (1980-2020m)]

FARHAH ZAIDAR MOHAMED RAMLI*¹, MOHD. KHAFIDZ SORONI¹, AMIRUL IMRAN AMIRRUDIN²

¹ Universiti Islam Selangor, UIS.

² Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, UIAM.

* Corresponding Author: Farhah Zaidar Mohamed Ramli Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor farhahzaidar@kuis.edu.my, 0105148069.

Keywords:

genealogy, sanad, ijazah, al-musnid, archipelago

ABSTRACT

Al-Athbat wa al-masanid (AWM) is a collection of important works that record the genealogy of Islamic knowledge based on works in various fields including hadith. This work emerged as a result of the implementation of the influence of sanad genealogy which is still applied by Islamic scholars every century until now. The significant impact of the continuation of this activity is maintained for the sake of maintaining the continuity of the sanad to Rasulullah SAW. However, in the context of the archipelago, the chain of genealogy of the hadith books contained in this collection of works is rarely explored. While it must be identified involving empirical proof of the continuity of hadith narration science based on the involvement of the archipelago scientists involved. Therefore, this study aims to analyze the genealogy of the book of hadith turath contained in *Ghayah al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh* by *al-Musnid* Syeikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati (1980-2020 AD). Research data was collected based on document analysis methods and in-depth interviews with the authors (participants). Data analysis is done descriptively. The discussion involves the profile of the author, the profile of the work, the genealogical analysis of the book of hadiths and the factors of the continuity of the work. The study concludes that this work is the most important work of meditation in the archipelago in recent times. The string of content that records the scholarly sanad is based on 12 books of hadith traditions against the backdrop of various chain continuity sourced from 165 ijazah teachers from the east and west of the Islamic world. Rarely do practitioners of modern sanad nusantara try to increase the number of ijazah teachers in the number of hundreds. Those teachers are al-musnid figures of this century who are hard

to find replacements. Therefore, the scientific genealogy that is connected through the figures involved has a high value in the context of the narration and sanad of religious sciences, especially the science of hadith.

Kata Kunci:

salasilah, sanad, *ijazah*, *al-musnid*, nusantara

ABSTRAK

Al-Athbat wa al-masanid (AWM) merupakan kumpulan karya penting yang merekodkan salasilah sanad keilmuan Islam berteraskan kitab-kitab *turath* dalam pelbagai bidang termasuk hadis. Pengkaryaan ini muncul hasil implementasi daripada pengaruh periwayatan salasilah sanad yang masih diaplikasikan oleh ilmuwan Islam setiap kurun sehingga kini. Dampak ketara kelangsungan kegiatan ini dipertahankan adalah demi pengekalan kesinambungan sanad kepada Rasulullah SAW berwasilahkan pengarang kitab *turath* hadis terutamanya. Namun dalam konteks Nusantara, jaringan salasilah sanad kitab-kitab *turath* hadis yang terkandung dalam kumpulan karya ini amat jarang diterokai. Sedangkan ia mustahak dikenal pasti membabitkan pembuktian empirikal kelangsungan ilmu periwayatan hadis berdasarkan penglibatan ilmuwan nusantara terbabit. Justeru kajian ini bertujuan untuk menganalisis salasilah sanad kitab *turath* hadis yang terkandung dalam *Ghayah al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh* karya al-Musnid Syekh Muhammad Husni Ginting al-Langkati (1980-2020M). Data kajian dikumpulkan berasaskan metode analisis dokumen dan temu bual mendalam terhadap pengarang (partisipan). Analisis data dilakukan secara deskriptif. Perbincangan melibatkan profil pengarang, profil karya, analisis salasilah sanad kitab *turath* hadis dan faktor kelangsungan karya. Kajian merumuskan bahawa karya ini merupakan karya *thabat* terpenting Nusantara pada masa mutakhir. Rentetan isi kandungannya yang merekodkan sanad keilmuan berteraskan 12 buah kitab *turath* hadis berlatarkan pelbagai kesinambungan rantaian bersumberkan daripada 165 orang guru *ijazah* yang terdiri daripada timur dan barat dunia Islam. Jarang-jarang pengamal sanad nusantara mutakhir berusaha untuk memperbanyakkan guru *ijazah* dalam jumlah ratusan orang. Guru-guru tersebut pula merupakan tokoh *al-musnid* abad ini yang sukar dicari ganti. Justeru salasilah keilmuan yang bersambung menerusi para tokoh terbabit adalah memiliki harga yang tinggi dalam konteks riwayat dan sanad ilmu-ilmu agama khususnya ilmu hadis.

Received: Mac 20, 2023

Accepted: April 20, 2023

Online Published: June 30, 2023

1. Pendahuluan

Kemunculan era pembukuan kitab-kitab hadis serta faktor berlalunya zaman menyebabkan aplikasi pendengaran hadis dari mulut ke mulut berganjak kepada pendengaran bersandarkan kitab hadis terus daripada pengarangnya atau pendengaran daripada individu yang pernah mendengar daripada pengarangnya. Proses ini membawa implikasi pengekalan persambungan sanad kepada pengarang kitab yang seterusnya secara tidak langsung menyampaikan sanad tersebut kepada Rasulullah SAW. ('Abd al-Fattah, 1992 & Brown 2009) Fenomena ini membawa sanad hadis kepada satu transisi transformasi iaitu daripada sanad hadis kepada sanad kitab hadis (al-Nadwi 2021) menerusi mekanisme *talaqqi bersanad* (Farhah Zaidar 2014) dan menatijahkan karya ilmu yang dikenali sebagai *al-athbat wa al-masanid* (AWM) ('Ali Jumu'ah 2004) serta pengamalnya dikenali sebagai *al-musnid*. (al-Mar'ashli 2002) Manakala karya AWM dapat dirujuk sebagai kumpulan karya yang

menghimpun rantaian sanad keilmuan pengarang yang diperolehi daripada para guru *al-musnid* menerusi aplikasi secara adaptasi metode-metode *al-tahammul* seperti *al-sama'* (pendengaran), *al-'ard* (pembacaan) atau *ijazah* (keizinan periwayatan) berteraskan kitab-kitab *turath* hadis mahu pun lain-lain kitab dalam pengajian Islam. (Ghassan 'Isa 2014 & al-Ghawri 2007).

Imbasan sejarah menunjukkan terdapat karya-karya yang memprofilkan AWM atau jenis-jenisnya seperti *al-mashyakhah*, *al-ma'ajim*, *al-fihris*, *al-barnamij*, *al-musalsalat* dan *al-awa'il* yang dihasilkan oleh ilmuwan Islam antarabangsa. Contoh seperti karya berjudul *Fihris al-Faharis wa al-Athbat wa Mu'jam al-Ma'ajim wa al-Mashyakhah wa al-Musalsalat* susunan al-Kattani (1982) merupakan sebuah karya besar yang mengumpulkan profil sebanyak 662 orang tokoh *al-musnid* yang menyumbang kepada pembukuan AWM dalam kepelbagaian bentuk. Karya ini menyenaraikan nama-nama kitab AWM yang terdiri daripada jenis *al-awa'il* sebanyak 210 buah kitab, jenis *al-ma'ajim* iaitu sebanyak 39 buah kitab, jenis *al-mashyakhah* iaitu 118 buah kitab, jenis *mashyakhah* bagi *musnid* wanita iaitu 12 buah kitab, jenis *al-musalsalat* juga *fahrasah* iaitu 182 buah kitab. Jumlah keseluruhan kitab AWM dalam karya ini ialah 561 buah kitab. Komitmen penyusunan kitab AWM dalam kalangan para ulama dunia Islam juga dapat diserlahkan menerusi ensiklopedia susunan al-Mar'ashli (2002) iaitu *Mu'jam al-Ma'ajim wa al-Mashyakhah wa al-Faharis wa al-Barnamij wa al-Athbat*. Ensiklopedia ini merekodkan 1760 biodata para *musnid* yang turut merangkap secara umumnya sebagai pengarang 3225 buah karya AWM yang terdiri daripada jenis *mu'jam shuyukh*, *al-mashyakhah*, *al-faharis*, *al-barnamij* dan *al-athbat*.

Sehubungan dengan itu, penglibatan ilmuwan nusantara kontemporari dalam arena ini masih lagi berlangsung (Farhah Zaidar et.al. 2017) namun tidak berapa ditonjolkan (M. Khafidz Soroni et.al. 2016). Malahan salasilah sanad kitab *turath* hadis yang terkandung dalam karya AWM ilmuwan nusantara hampir tidak pernah disedari keberadaannya. Sedangkan ianya masih penting dalam aspek pengenalan nasab ilmu agama khasnya hadis dalam konteks rantaian ilmu melibatkan ulama rantau Nusantara. Dalam konteks ilmuwan nusantara, M. Khafidz Soroni et. al. (2016) menyenaraikan 23 orang profil *al-musnid* Melayu nusantara dan 78 buah karya AWM mereka. Beliau merumuskan komitmen mendokumentasikan sanad-sanad ilmu termasuk bidang hadis adalah masih terpencil dan marginal di benua nusantara. Hanya sebahagian ilmuwan nusantara terdorong melakukannya. Justeru kajian ini dianggap perlu dilanjutkan untuk mengenal pasti data-data langka berhubung dengan karya AWM nusantara yang mutakhir nusantara. Ianya dalam kerangka memperkenalkan salasilah sanad kitab *turath* hadis ilmuwan Nusantara yang terkandung dalamnya. Justeru kajian ini bertujuan untuk menganalisis salasilah sanad kitab *turath* hadis yang terkandung dalam sebuah karya AWM penting serta jarang-jarang dapat dihasilkan di nusantara pada kurun 15H berjudul *Ghayah al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh* susunan *musnid* atau pengamal sanad nusantara tersohor Syeikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati (1980-2020M). Data kajian dikumpulkan berasaskan metode analisis dokumen dan temu bual mendalam terhadap pengarang merangkap partisipan kajian. Analisis data dilakukan secara deskriptif. Perbincangan melibatkan profil pengarang, profil karya, analisis salasilah sanad kitab *turath* hadis dan faktor kelangsungan karya.

2. Profil Partisipan/Pengarang

2.1. Maklumat Peribadi

2.1.1 Nama Lengkap, Kelahiran dan Pendidikan

Nama lengkap partisipan ialah Muhammad Husni Ginting bin Muhammad Hayat Ginting bin Muhammad Ilyas Ginting bin Muhammad Salih Ginting al-Langkati al-Mustafawi al-Azhari al-Shafi'i al-Shazuli al-Hasafi. Partisipan dilahirkan pada tarikh 6 oktober 1980 di Besitang, Kabupaten Langkat, Sumatera Utara, Indonesia. (M. Husni, t.th) Partisipan kini menetap di alamat Pesantren Nur Syahadah Desa Manunggal, Helvitea, Pasar Sembilan, Indonesia (. Partisipan meninggal dunia bertepatan tarikh 14 Ogos 2020 di Simpang Tiga Besitang Langkat, Indonesia pada usia 40 tahun semasa kajian ini sedang dilakukan. Penglibatan partisipan dalam pendidikan formal dapat dirumuskan kepada dua bahagian iaitu pendidikan di Indonesia dan pendidikan di Mesir. (M. Husni 2020)

i. Pendidikan di Indonesia

Pada tahun 1987, partisipan mendapat pendidikan di Madrasah Ibtidaiyyah al-Hukumiyyah di Bukit Kubu Besitang dan bergraduasi pada tahun 1993. Seterusnya pada tahun tersebut juga partisipan melanjutkan pendidikan di Madrasah al-Mustafawiyyah di Purba Baru, Markaz Maidailing, Sumatera Utara dan berhasil

memperolehi sijil shahadah *thanawiyyah al-hukumiyyah* pada 29 Mei 1999 serta sijil shahadah *thanawiyyah al-mustafawiyyah* pada 11 Jun 2000. (M. Husni, t.th)

i. Pendidikan di Mesir

Pada hujung tahun 2000, sekitar usia 20 tahun, partisipan melanjutkan pengajian di Kuliah Syariah Islamiyyah, Universiti al-Azhar Cawangan Daqhiyah, Mesir dan berjaya memperolehi Ijazah Lisence Syariah Islamiyyah pada tahun 2004. Setelah itu, partisipan melanjutkan pengajian di Ma'had 'Ali al-Dirasat al-Islamiyyah di Kaherah dan berjaya memperolehi ijazah diploma master pada 27 Januari 2007. Seterusnya pada tahun 2008, partisipan meneruskan pengajian kali kedua di Universiti al-Azhar dalam bidang Usuluddin bahagian Hadis dan berjaya bergraduasi pada tahun 2011. (M. Husni, t.th) Pendidikan partisipan secara non formal akan dibincangkan dalam bahagian kegiatan dalam periwayatan salasilah sanad kitab *turath* hadis.

2.1.2 Kerjaya dan Penglibatan Kemasyarakatan

Pada umumnya partisipan menjelaskan bahawa beliau tidak menjawat sebarang jawatan rasmi kecuali pernah berpengalaman sebagai mudir pesantren dan penasihat beberapa organisasi seperti masjid dan Kumpulan Melayu Besitang. Beliau dipetik berkata:

Iya... bboleh dikatakan tidak ada... sesuatu yang saya pegangi kan? Tapi... dulu pernah menjadi... apa namanya... rektor atau mudir satu pesantren yang kita dirikan...(M. Husni 2020)

Kemudian banyak ini jadi penasehat. Penasehat Mesjid Baytul Huda Simpang Tiga Besitang, penasehat Kumpulan Melayu... Besitang Langkat. Jadi, kebanyakan cuma diletakkan sebagai penasihat saja. (M. Husni 2020).

Partisipan lebih cenderung mengaktifkan diri sebagai pendakwah dan pengajar kitab-kitab berkaitan ilmu sanad dan ilmu hadis di Nusantara. Ia adalah demi merealisasikan amanat guru beliau yang dikenali sebagai Dr. Usamah al-Azhari supaya partisipan mengembangkan ilmu hadis di rantau ini. Partisipan berpeluang mengajar kitab *turath* hadis seperti *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim* hingga kini di Indonesia. Beliau dipetik berkata:

Kemudian, ya sekarang ini mengadakan dakwahlah. Dakwah di Indonesia, Singapura dengan Malaysia. Kalau di Indonesia kita buat... apa namanya itu... pengajian-pengajian... yang terlebih kepada hadis. Di Medan kita baca Sahih Bukhari, di Langkat kita baca Sahih Muslim, kemudian... di tempat-tempat yang lain kita baca hadis. Selain daripada pengajian-pengajian hadis, kita juga mengembangkan dakwah ke mana-mana, untuk... masyarakat yang ada di Indonesia. Kemudian, kita jugak diundang di... Singapura, menyampaikan dakwah di sana. Dan di... Malaysia sebagaimana pesan daripada guru kita Dr. Usamah al-Azhari agar mengembangkan hadis Nabi s.a.w di asia. Maka saya, menjalankan nasihat tersebut. (M. Husni 2020)

Di Malaysia partisipan pernah berpeluang mengajar kitab ringkasan *Sahih al-Bukhari* karangan Ibn Abi Jamrah sehingga khatam secara pendekatan syarahan hadis. Menurut partisipan, banyak kitab hadis *al-arba'inat* yang dibacakan di Darul Hadis, Kuala Nerang, Kedah. Juga karya syarah hadis nusantara berjudul *Bahr al-Madhi* karya Syeikh al-Marbawi. Beliau dipetik berkata:

*Hal yang pertama kali saya kembangkan adalah ilmu sanad dan ilmu hadis. Baik di negeri Kedah, negeri Johor, negeri... Pahang, Perak dan kemudian Negeri Sembilan dan negeri-negeri yang lainnya. Kalau di Johor, saya pernah mengkhatamkan kitab Ibnu Abi Jamroh. Ibnu Abi Jamroh itu saya baca kepada para pelajar... dengan secara syarahnya dengan ada ulasan daripada kitab itu. Kemudian, yang jugak terbanyak saya mebaca kitab-kitab hadis di Darul Hadis, Kedah. Di Darul Hadis Kedah saya pernah membaca kitab *arba'ināt*. Semua hampir *arba'ināt* kita baca di sana. *Arba'innya* Syeikh Abdullah Sa'id al-Ghumari, *arba'innya* Syeikh Nawa... Imam al-Nawawi, *arba'innya* Syeikh Ismail Zein al-Yamani, *arba'innya* Syeikh... Abdullah Lahji. Kemudian... melompat dari situ kita mempelajari daripada kitab-kitab yang lebih besar daripada itu sampai kepada kitab *Bahrul Madhi*. Itu karangan daripada imam... kita, ulama besar daripada ulama melayu, Syeikh Marbawi. (M. Husni 2020)*

Dapatan keseluruhan menunjukkan partisipan terlibat dalam program kemasyarakatan sebagai pendakwah dan tenaga pengajar kitab-kitab hadis. Beliau dikenali sebagai ilmuwan pengembang ilmu sanad dan ilmu hadis di rantau Nusantara.

2.2. Kegiatan dalam Periwiyatan Salasilah sanad Kitab Turath Hadis

Kegiatan partisipan dalam periwiyatan salasilah sanad kitab *turath* hadis dapat dikenal pasti berdasarkan butiran berikut.

2.2.1 Detik awal, Tempoh Pengalaman, Inspirasi dan Dorongan

Partisipan menjelaskan detik awal cetusan minat untuk terlibat dalam kegiatan periwiyatan salasilah sanad kitab *turath* adalah semenjak beliau bertalaqqi dengan guru beliau di Ma'had al-Mustafiyah di Indonesia yang dikenali sebagai Syeikh 'Abd al-Malik Raihan Abdul al-Qadir (M. Husni. t.th). Partisipan dipetik berkata:

Jadi di sanalah kecintaan saya dengan ilmu sanad. Kemudian diberikanlah kepada saya... ijazah daripada Syeikh... Abdul Malik Raihan. (M. Husni 2020)

Dari beliaulah saya... saya suka dengan ilmu sanad (M. Husni 2020)

Partisipan sering menghadiri majlis pengajian subuh dan Magrib di kediaman guru terbabit (M. Husni, t.th). Antara kitab yang dibacakan dalam pengajian tersebut adalah *al-Arba'in al-Nawawiyah*. Guru ini kerap menyebut nama-nama guru-guru sanad beliau di Mekah seperti Syeikh Yasin al-Fadani dan Syeikh Muhammad 'Alawi al-Maliki. Beliau dipetik berkata:

Saya dulu pertama kali belajar ilmu... sanad daripada seorang guru. Guru saya daripada Mekah dan dia merupakan murid daripada Syeikh Yasin Padang. Tika saya mengaji dengan beliau matan arba'in nawawiyah yang keluar daripada mulut beliau itu hanya nama Syeikh Yasin Padang, Syeikh Muhammad Alawi al-Maliki. Syeikh Yasin Padang, Syeikh Muhammad Alawi al-Maliki. (M. Husni 2020)

Sejak detik itu iaitu sekitar tahun 1993, partisipan yang ketika itu baru berusia 13 tahun mulai tertarik dan berazam untuk turut dapat berjumpa tokoh-tokoh sanad berkenaan. Beliau dipetik berkata:

Sekitar tahun 1993. Masa tu umur saya 13 tahun haa. Jadi 13 tahun lah saya mendengarkan hadisnya dengan secara riwayat. (M. Husni 2020)

Sehingga hati saya tergugah dan ingin seperti... beliau. Dan saya berazam pada waktu dahulu bagaimana (M. Husni 2020)

Partisipan juga menyatakan bahawa guru ini merupakan guru riwayat beliau yang pertama. Partisipan ada membacakan kitab tasawuf berjudul *al-Nasa'ih al-Diniyyah* serta memperolehi *ijazah mushafahah* (lisan) daripada guru ini. Partisipan juga ada memperolehi *ijazah* khas ilmu fiqh al-Shafi'i dari guru yang sama sekitar tahun 1999 (M. Husni, t.th). Justeru dikira dari tahun 1993 hingga kini, partisipan berpengalaman lebih kurang 27 tahun dalam kegiatan periwiyatan salasilah sanad kitab *turath* dan sanad keilmuan ilmu-ilmu agama. Partisipan juga menjelaskan bahawa hakikatnya terdapat ramai lagi guru yang menjadi sumber inspirasi dan pendorong untuk partisipan terus kekal cenderung dan prihatin terhadap ilmu sanad. Antaranya Syeikh Muhammad Nuruddin al-Banjari. Beliau dipetik berkata:

Sebenarnya banyak sekali para ulama-ulama yang menjadikan sumber inspirasi kita untuk lebih memahami dan... apa namanya itu... perhatian dalam ilmu sanad. Di antaranya adalah Fadhilatul Syeikh Muhammad Nuruddin al-Banjari. Ketika saya dahulu sampai di Mesir, itunya saya... mengikuti pengajian-pengajian beliau. Nah, ketika mengikuti pengajian beliau, beliau memberikan sanad. (M. Husni 2020)

Partisipan menyatakan Syeikh Nuruddin al-Banjari menjadi sumber inspirasi untuk beliau lebih giat menumpukan kegiatan periwiyatan salasilah sanad berkaitan hadis *musalsal* dan mendokumentasikannya. Beliau dipetik berkata:

Yang banyak memberikan pengetahuan tentang musalsal itu, Syeikh Muhammad Nuruddin al-Banjari. Jadi, yang pertama sekali membuatkan saya suka juga dengan ilmu musalsal, itu Syeikh Muhammad Nuruddin Banjar. Kita tidak pernah mengetahui ilmu sanad... eh... ilmu musalsal, kerna di Mendeleng sendiri mati. Dan guru-guru yang ada di Mendeleng tak pernah menyebutkan ada musalsal ini ada musalsal ini. Seolah mereka tidak pernah menerima musalsalat daripada para guru mereka di Mekah.

Tapi daripada Syeikh Nuruddin, ada sekitar 32 musalsalat yang beliau tulis eh. Syeikh Muhammad Nuruddin wal Musalsalat. Tapi hanya berapa musalsal yang saya dengarkan secara langsung dengan syaratnya. Kemudian dari situ, kerna terinspirasi dengan Syeikh Nuruddin, maka berangkatlah saya ke Mekah, berjumpa dengan orang yang lebih ahli daripada ilmu musalsal. Yang mengumpulkan lebih daripada 300 musalsalat yang daripada Syeikh Yasin al-Fadani iaitu Fadhilatul Syeikh... Muhammad Husni Tamrin. (M. Husni 2020)

Seterusnya Syeikh Ibrahim al-Ahsa'i juga merupakan antara guru pendorong dan sumber inspirasi partisipan dalam arena periwayatan sanad kitab *turath* terutama secara *al-qira'ah* dan *ijazah*. Beliau dipetik berkata:

Kemudian di antara para-para guru juga yang memberikan inspirasi seperti Syeikh Ibrahim al-Ahsa'i, Syeikh Ibrahim bin Abdullah al-Ahsa'i membesar di Ahsa', Mekah al-Mukarromah. Ya, kerna saya sempat memban...membaca kepada beliau kitab... Nuzhatun Nazar, khatam. Kemudian kami membaca jugak kitab Syamail Muhammadiyah, dan kitab-kitab yang lain. Jadi, alhamdulillah rabbil 'alamin beliau me...menghidupkan kembali (bunyi batuk) qiraah-qiraah itu dengan memberikan ijazah dan sanad kepada kami. (M. Husni 2020)

Seterusnya juga Syeikh Ibrahim Zannun yang turut memberi dorongan kepada partisipan supaya meningkatkan kecintaan terhadap ilmu hadis dan ilmu sanad. Guru ini banyak memperihalkan pengalaman beliau menjadi pembaca kitab-kitab *turath* secara bersanad dengan ilmuwan Mekah yang terkenal dalam dunia *talaqqi* iaitu Syeikh Hasan Mashat. Hal ini memberi ransangan untuk partisipan turut bergiat dalam lapangan ini. Beliau dipetik berkata:

Ya... kemudian di sana juga ada... apa namanya... di antara guru kita Syeikh Ibrahim Zannun. Jadi Syeikh Ibrahim Zannun ini adalah tamatan Solatiah, di antara gurunya paling terkenal Syeikh Hasan Massyar*. Jadi beliau memberikan inspirasi untuk lebih mencintai ilmu hadis dan ilmu sanad dengan lewat kata-kata beliau dan... cerita beliau daripada guru-guru beliau yang ada di sana. Kerna di Makkah waktu itu beliau adalah merupakan *muqri'* atau *qari'* daripada guru-gurunya ketika membaca hadis. Maka beliaulah membaca hadis yang dibacakan itu. (M. Husni 2020)

Kupasan berikut memperincikan guru-guru *al-ijazah*, *al-sama'* dan *al-qira'ah* dalam konteks kitab *turath* hadis berkaitan.

2.2.2 Guru *al-ijazah*, *al-sama'* dan *al-qira'ah* serta nama kitab

Partisipan memiliki 165 orang guru dalam konteks *al-ijazah* sama ada *ijazah mushafahah* (lisan) atau *ijazah mukatabah* (tulisan) dalam periwayatan hadis dan juga ilmu-ilmu agama yang lain. (M. Husni, t.th) Guru-guru ini berasal daripada 20 buah negara sebagaimana yang tertera dalam jadual berikut.

Jadual 1 Taburan Negara 165 orang Guru *al-Ijazah* Partisipan

BIL	NAMA NEGARA GURU	JUMLAH GURU
1	MESIR	38
2	INDONESIA	36
3	ARAB SAUDI (MEKAH, MADINAH, JEDDAH)	26
4	MALAYSIA	10
5	YAMAN	8
6	PAKISTAN	8
7	SYIRIA	7
8	LUBNAN	6
9	INDIA	5
10	LIBYA	4
11	MORROCO	3
12	IRAQ	4
13	BAHRAIN	2
14	JORDAN	2
15	NIGERIA	1
16	THAILAND	1
17	SUDAN	1
18	ALGERIA	1
19	PALESTIN	1

20	TURKI	1
JUMLAH		165 ORANG

Sumber M. Husni, t.th

Jadual di atas menunjukkan guru *ijazah* beliau paling banyak berasal dari Mesir diikuti Indonesia dan Arab Saudi. Ia sejajar sebagai tiga buah negara yang menjadi tumpuan partisipan banyak menghabiskan masa untuk menuntut ilmu. Partisipan mendapat pendidikan awal daripada para guru Indonesia sebelum beliau melanjutkan pengajian di Universiti al-Azhar, Mesir. Beliau berada di Mesir lebih kurang 11 tahun bermula tahun 2000 hingga 2011. Partisipan juga banyak melakukan perjalanan menuntut ilmu di Arab Saudi serta kebanyakan guru-guru di Arab Saudi ini ditemui dalam majlis pengajian sekitar Mekah, Madinah dan Jeddah.

Seterusnya, partisipan menegaskan bahawa antara kepentingan mengambil *ijazah* periwayatan salasilah sanad kitab daripada guru adalah pada dasarnya untuk meraih keberkatan. Ini adalah kerana nilai sebenar sanad pada masa kini adalah berbeza dengan sanad pada masa terdahulu. Sanad pada zaman terdahulu merupakan mekanisme untuk mengukur kesahihan hadis. Namun sanad pada masa kini telah berkurangan kepentingannya. Walau pun begitu partisipan menegaskan antara elemen keberkatan sanad yang diperolehi secara *al-sama'* dan *al-qira'ah* adalah kaedah pengambilan ilmu tersebut adalah benar, mengambil dari guru yang benar serentak dapat memperolehi kefahaman yang juga benar. Ia berbeza dengan sanad ilmu yang diperolehi atas semata-mata *al-ijazah*. Ia terbatas untuk penyambungan sanad sahaja. Beliau dipetik berkata:

Ya setelah tahun atau kurun kelima setelah habisnya masail ibn asakir. Orang melihat ilmu sanad tidak penting lagi. Sudah berkurang kepentingan daripada ilmu sanad itu. Kalau dahulu ilmu sanad dahulu boleh menerangkan kepada mana hadis itu sahih atau tidak, dengan cara melihat biografi-biografi daripada perawi itu. Tetapi setelah semua daripada hadis itu dikumpul dalam Tarikh Dimisyq oleh Ibn Asakir, jadi agak kurang lagi kepentingannya. Jadi kebanyakan ulama mengatakan kepentingan ilmu sanad ini adalah mengambil barakah. Tapi yang tambahannya lagi walaupun tak seberapa, di samping itu kita akan mengetahui ilmu sanad yang kita ambil itu kita ketahui bahawa ilmu yang kita ambil itu secara benar, daripada orang yang benar, dari pemahaman yang benar. Itu sekiranya, melalui daripada qiraah ataupun sama'. Adapun ijazah tu yang belum kita melihat bagaimana berkahnya ataupun hikmahnya. (M. Husni 2020) (M. Husni 2020)

Partisipan juga menjelaskan perasaan senang beliau apabila dapat menyambung periwayatan salasilah sanad daripada seseorang guru. Partisipan berpendapat bahawa sanad yang diperolehi adalah berharga dan menginginkan agar ia membawa keberkatan terutamanya di akhirat kelak. Partisipan meletakkan kepercayaan bahawa guru dapat memberi syafaat kepada seseorang murid di akhirat menerusi ikatan sanad tersebut. Beliau dipetik berkata:

Ya, sangat senang sekali kerna itu merupakan hal yang sangat berharga bagi kita. Bukan saja ingin dapat keberkatan, dengan mudah-mudahan sambungan sanad itu dapat mendatangkan keberkatan di akhirat insyaallah taala kerna setiap murid akan mendapatkan syafaat daripada gurunya. (M. Husni 2020)

Partisipan meringkaskan 30 orang guru *ijazah* yang turut merangkap sebagai guru *al-sama'* dan *al-qira'ah* yang beliau ada membaca sendiri atau mendengar dihadapan mereka puluhan kitab *turath* dalam ilmu fiqah, tasawuf, nahu, akidah, faraid dan ilmu hadis (M. Husni, t.th.). Fakta ini menunjukkan bukan semua guru *ijazah* beliau adalah guru *al-sama'* dan *al-qira'ah* tetapi semua guru *al-sama'* dan *al-qira'ah* beliau adalah turut merangkap sebagai guru *ijazah* beliau. Jadual berikut memperincikan contoh guru *sama'* dan *al-qira'ah* partisipan terhadap *al-kutub al-Sab'ah* sahaja.

Jadual 2 Guru *Sama'* dan *al-Qira'ah al-Kutub al-Sab'ah* Partisipan

AL-KUTUB AL-SAB'AH	NAMA GURU	METODE RIWAYAT
<i>Al-Muwatta'</i>	Syeikh Malik bin al-'Arabi al-Sanusi al-Madani	<i>Al-Qira'ah</i> (kebanyakan kandungan)
<i>Sahih al-Bukhari</i>	Syeikh Muhammad bin Mahmud Hashim al-Khalwati	<i>Al-Qira'ah</i>
<i>Sahih Muslim</i>		

Sunan Abu Dawud	Syeikh Najah Siyam al-Mansuri	<i>Al-Qira'ah</i> (sebahagian kandungan)
Sunan al-Tirmidhi	Maulana 'Abd al-Manan bin 'Alam al-Din al-Bakistani	<i>Al-Qira'ah</i> (sebahagian kandungan)
	Syeikh Usamah al-Sayyid Mahmud al-Azhari	<i>Al-Sama'</i> (sebahagian kandungan)
Sunan al-Nasa'i	Syeikh 'Abd al-Karim al-Badawi al-Nadwi	<i>al-ijazah</i>
Sunan Ibn Majah	Syeikh Mustafa al-Nadwi	<i>Al-Qira'ah</i> (sebahagian kandungan)

Sumber M. Husni (t.th.)

Jadual di atas menunjukkan partisipan tidak memiliki periwayatan secara *sama'* atau *qira'ah* terhadap kitab *Sunan al-Nasa'i*. Kitab ini hanya diriwayatkan secara *al-ijazah* dari guru berkaitan. Dalam erti kata lain, dalam konteks periwayatan sanad *kutub al-sab'ah*, partisipan mempunyai kesinambungan salasilah sanad secara kombinasi *al-ijazah*, *al-sama'* dan *al-qira'ah* dengan tujuh guru terbabit kecuali *Sunan Nasa'i* sahaja. *Sunan* ini diriwayatkan secara *al-ijazah* semata tanpa kombinasi *al-sama'* atau *al-qira'ah* terbatas sebagaimana yang dinyatakan dalam karya AWM partisipan tersebut. (M. Husni, t.th.)

2.2.3 Murid *al-Ijazah*, *al-Sama'* dan *al-Qira'ah*

Sepanjang tempoh 21 tahun terlibat dalam menyebarkan ilmu hadis dan ilmu sanad, partisipan mengambil inisiatif yang jarang-jarang dilakukan iaitu berusaha merekod nama-nama murid yang ada menerima *ijazah* sanad daripada beliau. Rekod menunjukkan partisipan menyenaraikan 317 nama-nama tersebut dalam karya AWM beliau. Beliau dipetik berkata:

Memang agak sulit mengumpulkan dan menyebutkan nama-nama mereka. Tapi dahulu pernah saya buat, dalam kitab Ghayatul Rusukh pernah saya buat. (M. Husni 2020)

Jadual berikut memperincikan jumlah murid partisipan berdasarkan taburan negara masing-masing.

Jadual 3 Taburan Negara Murid Partisipan

BIL	NEGARA MURID	JUMLAH MURID
1	Malaysia	179
2	Mesir	59
3	Indonesia	25
4	Pakistan	11
5	Singapura	3
6	Thailand	7
7	Mekah	2
8	Palestin	1
9	Brunei	1
10	Cambodia	1
11	India	1
12	Bahrain	1
13	TIDAK DINYATAKAN	26
Jumlah Keseluruhan		317

Sumber M. Husni (t.tn)

Jadual di atas menunjukkan partisipan lebih aktif menyebarkan ilmu sanad dan ilmu hadis di Malaysia, Mesir dan Indonesia. Ketiga-tiga buah negara ini memiliki jumlah bilangan murid yang lebih ramai berbanding sembilan negara-negara lain. Ini menunjukkan usaha partisipan untuk menyambungkan periwayatan ilmu hadis dan ilmu sanad di Nusantara sudah mula menampakkan kemajuan dan hasil yang memberangsangkan. Selain itu, sembilan daripada 317 orang ini terdiri daripada murid perempuan. (M. Husni, t.th.)

Partisipan berpandangan bahawa antara kepentingan beliau memberikan *ijazah* sanad periwayatan kepada murid adalah untuk menyambung tradisi ulama terdahulu yang mengambil ilmu menerusi *al-tahammul wa al-ada'* iaitu secara *al-sama'*, *al-qira'ah* dan *al-ijazah*. Justeru tradisi ini masih ingin dikekalkan. Beliau dipetik berkata:

*Menurut saya, bersambungannya sanad kita dengan beliau untuk menyambung tradisi ulama-ulama terdahulu. Yang mana ulama-ulama dulu itu mahu mengambil ilmu hadis lewat melalui *ada'* wa *tahammul*. Secara *sama'*, secara *qira'ah*, secara *ijazah*, munawalah dan sebagainya. Jadi, dengan*

adanya secara kita kasi ijazah, secara khusus lah ijazah kan. Umpamanya kitab yang kita baca, contoh kitab Sahih Bukhari. (M. Husni 2020)

Menurut partisipan lagi *al-ijazah* juga penting diberikan kepada murid disamping *al-sama'* dan *al-qira'ah* atas tujuan untuk melengkapkan persambungan periwayatan hadis yang tercicir semasa tempoh *al-sama'* dan *al-qira'ah* dilaksanakan. Beliau dipetik berkata:

Saat kita baca Sahih Bukhari tidak semua mereka dalam keadaan melek atau sadar. Kadang tertidur sehinggakan tertinggal beberapa hadis, sedangkan mereka mahu riwayatkan semua hadis ada pada isi Sahih Bukhari. Nah, ketika mungkin beberapa hadis itu ketinggalan gak didengar, itu mungkin... apa namanya... akan mendatangkan pendustaan. "Owh saya dengar semuanya ini, saya riwayatkan semuanya ini." Maka, diperlukan ijazah untuk menampal yang dia tertinggal tadi tu. Seumpama dia tinggal pergi ambil wuduk atau dia tertidur dan sebagainya. Perlu sekali adanya ijazah, untuk menempel... kitab yang tadi tu ketinggalan itu. (M. Husni 2020)

Partisipan juga meluahkan rasa tenang setiap kali selesai menunaikan amanah menyambungkan periwayatan sanad hadis atau sanad kitab-kitab *turath* hadis kepada murid. Beliau dipetik berkata:

Perasaan saya tenang. Kerana saya telah mengembangkannya kepada mereka. Jadi kemarin saya ke Mendeleng saya bacakan 20 hadis. Jadi setelah saya bacakan hadis itu setelah jumaat sampai jam enam. Jadi ketika jam enam tu terasa tenang saya. Kalau mati pun saya ridha. (M. Husni 2020)

Hal ini kerana persambungan sanad menerusi periwayatan partisipan akan kekal dapat diteruskan pada masa hadapan oleh murid-murid beliau. Kesenambungan ini dapat sahaja terputus apabila tiada pewaris yang menerimanya mengikut mekanisme yang sepatutnya iaitu *al-ijazah*, *al-sama'* atau *al-qira'ah*. Menurut partisipan hal ini telah pun terjadi antara beliau dengan gurunya yang dikenali sebagai Syeikh Husni Tamrim. Partisipan menzahirkan penyesalan dan kehampaan kerana banyak lagi periwayatan berharga yang dimiliki oleh guru beliau tersebut yang tidak dapat lagi diisnadkan kesinambungannya kerana partisipan tidak mengambilnya semasa guru tersebut masih hidup. Beliau dipetik berkata:

Kernakan kita mahu menyambungkan saja ni. Kenapa... ini terjadi kepada guru kita Syeikh Muhammad Husni Tamrin pesan daripada Syeikh Yasin Padang, Syeikh Husni Tamrin itu walaupun kita duduk berjam-jam sama dia itu mesti tiga aja kasinya itu. Maka saya terlampau banyak duduk dengan dia berjam-jam pun dari maghrib sampai jam 12 itupun itu tiga aja, minta lebih empat itu dia gak kasi. "Syeikh 14 kali ni", "Apa.. dua aja ke tiga aja.". Gak lebih daripada itu. Jadi ketika Syeikh Husni Tamrin meninggal dunia semua riwayat Syeikh Yasin Padang yang saya tahu ada pada dia semuanya dibawa ke kubur. Jadi saya menyesal kenapa tidak ambil ini tidak ambil ini. Jadi bila saya meriwayatkan ini lepas tanggungjawab saya menunaikan riwayat itu. Kerna apa yang disampaikan saya itu amanah...(M. Husni 2020)*

2.2.4 Penulisan

Terdapat 21 buah karya yang ditulis oleh partisipan dalam kategori karya AWM. Jadual berikut memaparkan 11 contoh judul daripada penulisan tersebut.

Jadual 4 Contoh Judul Karya AWM Partisipan

BIL	JUDUL KARYA AWM PARTISIPAN
1.	<i>Ghayah al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh</i>
2.	<i>Asanid al-Jawiiyin</i>
3.	<i>Al-Ayat al-Mufassalat fi al-Ahadith al-Musalsalat</i>
4.	<i>Ithaf al-Akabar bi Asanid al-Shaykh 'Abd al-Qadir</i>
5.	<i>Asanid al-Kutub al-'Asharah</i>
6.	<i>Al-Awa'il al-Lankatiyyah</i>
7.	<i>Iqd al-Farid al-Muntakhab min al-Asanid</i>
8.	<i>Fayd al-Jari bi al-Ittisal bi Thulathiyyat al-Bukhari</i>
9.	<i>al-Kawakib al-Darari bi Tarjamah wa Asanid al-Shaykh 'Ali Hasan Ahmad al-Dari</i>
10.	<i>Al-Muntakhab min al-Musalsalat</i>
11.	<i>Nihayah al-Zayn bi Tarjamah wa Asanid al-Shaykh Mustafa Husayn</i>

Sumber M. Husni (t.tn)

Karya berjudul *Ghayah al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh* merupakan karya terbaik beliau berbanding karya-karya beliau yang lain. Beliau dipetik berkata:

Ya menurut saya, sampai detik ini, karya saya yang paling besar, mungkin bisa dibilangkan terbaik... nggak tahu jugak saya, adalah kitab Ghāyatul Rusukh fi Mu'jamisy Shuyūkh. (M. Husni 2020)

Penulisan 21 karya ini menzahirkan kepakaran dan kecenderungan partisipan dalam kegiatan periwayatan dan dokumentasi sanad ilmu-ilmu pengajian agama terutama berkaitan ilmu hadis. Faktor ini juga merupakan antara salah satu faktor beliau diberi gelaran *Musnid Nusantara*.

3. Profil Karya

Kupasan berikut menghuraikan resensi karya AWM partisipan Indonesia yang berjudul *Ghayah al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh*. Karya ini belum pernah diperkenalkan dalam arena kajian AWM Nusantara. Kesedaran terhadap kewujudan karya ini adalah terhad dalam kalangan komuniti pengamal sanad sahaja. Apatah lagi pengenalan nasab atau keturunan salasilah sanad ilmu hadis yang terkandung dalam kitab ini yang masih tersimpan rapi seolah-olah hampir tidak mungkin akan didedahkan serta dikaji pada abad ini.

3.1 Informasi Asas dan Penyumbang Kata Pengantar

Ghayah al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh merupakan salah satu daripada 21 karya kategori AWM yang telah dihasilkan oleh Partisipan. Karya ini berjumlah 420 halaman. Ia dicetak oleh Dar al-Turki li al-Tiba'ah tanpa menyatakan tahun terbitan. Ia dikarang dalam bahasa Arab. Karya ini mendapat penghormatan menerusi kata pengantar daripada enam ilmuwan hadis yang dikenali dalam arena persambungan sanad ilmu-ilmu Islam sebagaimana yang tertera dalam jadual berikut.

Jadual 5 Penyumbang Kata Pengantar

BIL.	NAMA PENYUMBANG KATA PENGANTAR	JAWATAN/KEPAKARAN
1.	Prof. Dr. Muhammad Mahmud Ahmad Hashim	Dekan Kuliah Usuluddin dan Dakwah, Universiti al-Azhar ,Zaqaziq, Mesir. Kepakaran dalam bidang Hadis
2.	Prof. Dr. Sa'ad Sa'ad Jawish	Profesor Hadis di Universiti al-Azhar, Mesir.
3.	Prof. Dr. Rifa'at Fauzi 'Abd al-Mutallib	Profesor Syariah Islamiyyah dan Hadis di Kuliah Dar al-'Ulum, Universiti Kaherah, Mesir.
4.	Dr. Mustafa Abu Sulayman al-Nadwi	<i>Muhaddith</i> dan <i>Musnid</i> Mansurah, Mesir
5.	Dr. Usamah al-Sayyid Mahmud al-Azhari	Pensyarah Hadis Kuliiyah Usuluddin dan Dakwah, Universiti al-Azhar, Zaqaziq, Mesir
6.	Syeikh 'Asam Anas al-Zafatawi	Khadam Penuntut ilmu di Kaherah, Mesir

Sumber M. Husni (t.tn)

Latar belakang kesarjanaan enam tokoh penyumbang tersebut turut menjadi elemen kesaksian bahawa partisipan giat berhubung serta mengaktifkan diri dalam kegiatan periwayatan salasilah sanad sehingga berhasil menjadi kolektor *ijazah* sanad dan pengamalnya. Pengiktirafan dalam lingkungan komuniti pengamal sanad itu sendiri menjadikan salasilah sanad yang didokumentasikan adalah semakin bertambah untuk dipercayai dan dapat dipegangi.

3.2 Motif dan Faedah Pengkaryaan

Partisipan menggariskan lima motif dan faedah beliau meghasilkan karya AWM berjudul *Ghayah al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh*.

3.2.1 Memperkenalkan guru al-ijazah.

Partisipan bertujuan memperkenalkan 165 orang guru *al-ijazah* beliau dan kaedah pengambilan *ijazah-ijazah* tersebut. Hal ini juga membawa faedah pencerahan serta kefahaman kepada penuntut ilmu tentang bagaimana sesuatu *al-ijazah* itu dapat diperolehi daripada para guru seseorang guru. Beliau dipetik berkata:

Adapun motif dan faedah pengkaryaan ini daripada kitab Ghayatul Rusukh fi Mukjamil Syuyukh setelah kita menyebutkan nama-nama daripada guru yang ada, mungkin sebagian orang tidak kenal guru kita itu. Jadi saya coba memperkenalkan diri guru-guru kita itu. Jadi saya mencoba untuk

memperkenalkan diri daripada guru-guru kita dan bagaimana saya mendapatkan ijazah daripada mereka. (M. Husni 2020)

3.2.2 Mendedahkan Salasilah Sanad Guru

Partisipan juga bermotif untuk mendedahkan contoh kesinambungan salasilah sanad yang dimiliki oleh 165 orang guru terbabit yang setiap satunya terdiri daripada barisan nama-nama guru demi guru sehingga sampai kepada Rasulullah SAW. Sanad keilmuan 165 orang guru yang dizahirkan tersebut dapat memberi manfaat kepada umum untuk cuba menjejaki para guru yang kebanyakannya masih hidup pada masa kini dan mengambilnya secara langsung daripada mereka. Beliau dipetik berkata:

Saya coba membuatkan sanad beliau. Tapi tidak sebutkan semua guru-guru mereka tapi saya sebutkan satu guru dengan sanadnya sampai ke Rasulullah s.a.w. Jadi tujuannya untuk mengetahui sebagian sanad-sanad mereka dan guru-guru mereka. Juga nama lengkap mereka dan apa namanya... dan tingkatan daripada pendidikan mereka. Itulah tujuan saya, untuk lebih mengenal lagi mereka. Sehingga orang yang membaca kitabnya ini kalau dia masih hidup, masih mampu mengambil daripadanya secara langsung. (M. Husni 2020)

3.2.3 Memudahkan proses pengijazahan

Partisipan juga bertujuan untuk memudahkan proses pengambilan dan pemberian *ijazah* keilmuan antara guru dan murid. Keberadaan karya *al-thabat* partisipan ini membawa faedah berkaitan pengetahuan kepada murid tentang salasilah sanad guru yang tersedia direkodkan dalam kandungan karya. Selain itu, teks pengijazahan terdiri daripada jenis *ijazah 'ammah* turut telah dirangka dan dicetak pada halaman belakang karya. Kedua-dua perkara ini merupakan keperluan dalam amalan pengijazahan ilmu. Justeru partisipan telah mempermudah urusan tersebut menerusi penghasilan karya ini dan seterusnya memberi peluang untuk dimanfaatkan oleh guru dan murid. Beliau dipetik berkata:

Jadi kalau orang membaca kitab kita cukup mampai dengan kitab itu, kerna kan seseorang yang meriwayatkan kepada seseorang perlu mengetahui kepada siapa saja orang itu riwayatkan. Dan jangan sampai saja membebaskan pada guru itu. Kan contohnya gini saya katakan membebaskan. Aaa... setelah kita minta ijazah. "Syekh eeerr... minta ijazah syekh" kira kasi catat ini catat saja. "Siapa aja nama-namanya syekhnya syekh?". Kadang-kadang perlukan waktu kan? Kerna kebiasaan guru-guru ini mempunyai waktu yang sibuk. Jadi cukuplah dengan mengambil tandatangannya, signnya dan keijinan dia. Jadi untuk memudahkan. Satu lagi saya buat mudah kepada orang-orang. Sebenarnya saya udah membuka jalan dan peluang. Jadi ada itu ijazah... kertas ijazah ammah... (M. Husni 2020)

3.2.4 Inspirasi Meningkatkan Kegigihan Menuntut Ilmu

Partisipan juga antara lain, bertujuan untuk mendedahkan kegigihan dan keghairahan para guru menuntut ilmu menerusi latar belakang pendidikan yang dinyatakan dalam karya AWM tersebut. Informasi ini dapat memberi faedah untuk umum turut menjiwai keazaman yang ditunjukkan oleh para guru yang berterusan belajar contohnya daripada peringkat sarjana muda sehingga ke doktor falsafah. Beliau dipetik berkata:

Di antara kita melihat, kernanya saya juga menulis di situ jenjang pendidikan guru kita. Ketika saya buat jenjang pendidikan guru kita faedah yang boleh diambil di situ supaya kita boleh menjadi seperti mereka. Sehingga boleh melewati pula jenjang-jenjang tersebut. Contohnya Syekh Ali Jumuah, Syekh Ali Jumuahnya itu bukan Azhar. Asalnya itu Tarbiyyah wa Ta'lim, sekolah di Ain Shams. Dari Ain Shams, pindah beliau ke Azhar mengambil S1. Maknanya S1 nya itu atau degree dua. Degree Ain Sham, degree Azhar. Baru ngambil master di azhar bidang fikih, baru dukturoh. Jadi muali daripada Ain Sham. Jadi bagaimana kita boleh melihat keghairahan beliau belajar daripada degree ke degree, kenapa tak terusan ke master dan doktor. Jadi kita belajar daripada mereka ke apaan... yang penting itu ilmu, begitu. Jadi datanglah akhirnya faedahnya saya mengikuti jejak beliau. Setelah saya mengambil Syariah Islamiyyah saya ambil lagi Usuluddin. (M. Husni 2020)

3.2.5 Meneladani Tradisi Ulama

Partisipan juga bermotifkan pada dasarnya adalah untuk meneladani tradisi yang dipraktikkan dalam kalangan ulama iaitu mereka ada menyusun *fahras* atau *al-athbat* khusus untuk menyenaraikan para guru *talaqqi* dan

riwayat yang mereka perolehi secara *al-sama'* atau *al-qira'ah* atau *al-ijazah* atau kombinasi antara kesemuanya. Ia melibatkan *ijazah* kitab-kitab *turath* dan sanad ilmu dalam pelbagai bidang. Ikutan ini membawa faedah dalam bentuk menaruh harapan agar sedikit sebanyak partisipan berjaya mencapai kejayaan seakan-akan hampir sama seperti yang pernah dicapai oleh para ulama dunia Islam dalam konteks menimba ilmu. (M. Husni, t. th.)

3.3 Metodologi Pengkaryaan

Karya *Ghayah al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh* dihasilkan berdasar metodologi *mu'jam al-shuyukh* iaitu Partisipan menghimpun sejumlah 165 orang guru periwayatan hadis dan juga termasuk lain-lain ilmu pengajian Islam yang diperolehi secara *ijazah mushafahah* (lisan) atau *mukatabah* (tulisan) serta menyusunnya mengikut abjad iaitu huruf *hijaiyyah* yang pertama yang terdapat pada nama guru (M. Husni, t.th) Partisipan menjelaskan bahawa nama-nama guru ini tidak dapat disusun mengikut tahun kewafatan kerana kebanyakan daripada mereka masih hidup pada tahun kitab ditulis dan juga pada masa kini. Beliau dipetik berkata:

Nah, konsep yang saya buat adalah dengan menurut abjadiyyah. Kenapa dengan menurut abjadiyyah? Kerna kalau kita buat menurut garis wafatnya, banyak guru-guru saya yang belum wafat pada tahun itu. (M. Husni 2020)

Partisipan juga menjelaskan bahawa nama-nama guru tersebut jika disusun berdasarkan kemasyhuran dan kedudukan yang tinggi dalam lapangan ilmu, ia berkemungkinan dapat menyakitkan hati guru. Justeru, partisipan membuat keputusan untuk menyusun 165 orang guru-guru ini mengikut abjad. Beliau dipetik berkata:

Makanya digunakan dengan abjadiyyah. Kalau digunakan dengan ko... ini lebih besar lebih agung lebih tinggi, itupun nanti akan menyakiti hati guru-guru. Jadi lebih bagus dengan cara abjadiyyah...haaa. (M. Husni 2020)

Guru pertama yang diperkenalkan ialah Ibrahim Zannun dan yang terakhir ialah al-Mulkah Fatimah al-Sanusiyyah (w. 1430H). Setiap guru diperkenalkan umumnya merangkumi nama lengkap, kelahiran, kematian, latar belakang akademik, penulisan, guru *ijazah*, *al-sama'*, *al-qira'ah* dan salasilah sanad guru yang khusus berkesinambungan kepada Rasulullah SAW dalam konteks periwayatan hadis. Partisipan turut menyatakan dengan jelas maklumat tentang tempat dan sebab pertemuan, kaedah dan jenis pengijazahan, tarikh kejadian dan juga kitab atau ilmu yang dibacakan langsung dihadapan mereka pada masa pertemuan.

Pendedahan salasilah sanad guru yang khusus berkesinambungan kepada Rasulullah SAW dalam konteks periwayatan hadis dilakukan dengan cara Partisipan memetik sebuah hadis tertentu untuk setiap guru. Hadis tersebut dipilih secara rawak bersumberkan 12 buah kitab *turath* hadis. Kemudian partisipan membentangkan barisan nama-nama lengkap salasilah sanad beserta dengan lafaz *tahammul wal ada'* yang sempurna bermula dari nama partisipan berantailan hingga sampai kepada nama pengarang kitab *turath* hadis tersebut. Dari hentian ini, rantaian sanad terus dinyatakan secara bersambung lagi hingga sampai kepada Rasulullah SAW dan seterusnya dinyatakan matan hadis tersebut. Justeru, jumlah hadis yang dipetik untuk dimuatkan dalam karya AWM ini adalah sebanyak jumlah guru tersebut iaitu 165 hadis. Jadual berikut memperincikan taburan jumlah hadis yang dipilih oleh partisipan bersumberkan 12 buah kitab *turath* hadis berkaitan.

Jadual 6 Taburan Sumber dan Jumlah Petikan Hadis

BIL	SUMBER HADIS	JUMLAH PETIKAN HADIS/JUMLAH GURU
1	<i>Al-Muwatta'</i>	3
2	<i>Musnad Ahmad</i>	2
3	<i>Sahih al-Bukhari</i>	77
4	<i>Sahih Muslim</i>	48
5	<i>Sunan Abu Dawud</i>	6
6	<i>Sunan al-Tirmidhi</i>	18
7	<i>Sunan al-Nasa'i</i>	5
8	<i>Sunan Ibn Majah</i>	2
9	<i>Sunan al-Daraqutni</i>	1
10	<i>Sahih Ibn Khuzaimah</i>	1
11	<i>Sahih Ibn Hibban</i>	1
12	<i>Sunan al-Darimi</i>	1

JUMLAH	165
---------------	------------

Sumber M. Husni (t. th)

165 buah Hadis ini dipetik secara rawak daripada kandungan kitab-kitab hadis tersebut. Jumlah tertinggi adalah 77 buah hadis yang dipetik daripada kitab *Sahih al-Bukhari*. Hadis-hadis ini dipilih oleh partisipan sebagai sampel untuk menunjukkan periwayatan hadis secara bersambungan antara beliau dengan 165 orang guru tersebut sehingga sampai kepada pengarang 12 buah kitab *turath* berkaitan serta bertalian ikatan persambungan tersebut bertaut dengan Rasulullah SAW di paras tertinggi rantai sanad.

3.4 Sumber Dokumentasi

Partisipan merujuk 93 buah buku rujukan dalam konteks AWM untuk memperihalkan biodata 165 orang guru dan mengeluarkan salasilah sanad mereka sebagaimana yang dimuatkan dalam karya *Ghayah al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh*. Karya-karya ini membawa faedah kepada partisipan untuk mengetahui salasilah sanad yang dimiliki oleh 165 orang guru tersebut yang telah beliau perolehi sebelum ini secara *al-ijazah*. Pengetahuan tersebut telah membuka ruang untuk partisipan mengeluarkan semula susur galur salasilah sanad tersebut serta membariskan nama sendiri dalam rangkaian tersebut. Ini bermakna *al-ijazah* yang diperolehi dari 165 orang guru berkaitan menjadi metode persambungan salasilah sanad yang diperakui dan melayakkan partisipan berbuat demikian. Hal ini menzahirkan bahawa amalan pengijazahan yang dilakukan adalah efektif dan terpinpin. Salasilah sanad ini berkemampuan untuk dikenalpasti dan dinyatakan semula dalam karya *thabat* mutakhir. Ini bermakna *ijazah* yang diperolehi tidak terhenti pada amalan sahaja tetapi rangkaian sanad itu memang benar wujud dan dapat dimetri persambungannya selama berkurun-kurun. Jadual berikut memperincikan contoh sumber dokumentasi yang terdiri daripada lapan buah karya AWM tertentu yang menjadi rujukan partisipan untuk mengeluarkan salasilah sanad dalam konteks lima guru *ijazah* berkaitan.

Jadual 7 Contoh Sumber Dokumentasi

Nama Guru <i>Ijazah</i> Partisipan 2	Sumber Dokumentasi Salasilah Sanad
1. Syeikh Muhammad bin Mahmud Hashim al-Hashimi	1. <i>Fihrasat al-Shuyukh wa al-Asanid li al-Imam Sayyid al-'Alawi bin 'Abbas bin 'Abd al-Aziz al-Maliki al-Hasani dan 'al-'Uqud al-Lu'lu' iyyah bi al-Asanid al-'Alawiyyah</i> . 2. <i>al-'Aqd al-Farid al-Mukhtasar min al-Athbat wa al-Asanid</i> . 3. <i>al-Tali' al-Sa'id al-Muntakhab min al-Musalsalat wa al-Asanid</i> . Semua karya ini dikarang oleh Sayyid Muhammad bin 'Alawi al-Maliki yang juga merupakan guru <i>ijazah</i> kepada Syeikh Muhammad bin Mahmud Hashim al-Hashimi tersebut.
2. Usamah Sayyid Mahmud al-Azhari al-Misr	4. <i>Mu'jam Shuyukh</i> 5. <i>Asanid al-Misriyyin</i> Kedua-dua karya ini dikarang oleh guru partisipan tersebut sendiri
3. Muhammad al-Rabi' al-Nadwi al-Hindi	6. <i>Bughyah al-Mutabi' li Asanid al-'Allamah al-Sharif Muhammad al-Rabi'</i> karya Muhammad Akram al-Nadwi.
4. Yusuf bin 'Abd al-Rahman al-Mar'ashli	7. <i>Mu'jam al-Ma'ajim wa al-Mashakhat wa al-Faharis wa al-Baramij wa al-Athbat</i> karya guru partisipan tersebut sendiri.
5. Sheikh 'Awwamah al-Halabi	8. <i>Imdad al-Fattah bi Asanid wa Marwiyyat al-Shaykh 'Abd al-Fattah</i> karya Muhammad 'Abd Allah al-Rashid. Karya ini merupakan <i>thabat</i> kepada guru Sheikh 'Awwamah al-Halabi iaitu Shaykh 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah.

Sumber M. Husni (t. th)

4. Analisis Salasilah Sanad Kitab *Turath* dalam Karya

4.1 Jumlah Rijal dan Guru Riwayat al-Kutub al-Sab'ah

Kajian memperincikan contoh taburan jumlah *rijal* yang tersenarai dalam tujuh salasilah sanad yang bermula daripada nama partisipan yang bersambung kepada nama tujuh orang guru partisipan tertentu sehingga sampai kepada nama tujuh orang pengarang kitab *turath* hadis berkaitan. Ia terdiri daripada pengarang *al-Muwatta'*, *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan Abu Dawud*, *Sunan al-Tirmidhi*, *Sunan al-Nasa'i* dan *Sunan Ibn Majah*. Ia sepertimana tertera dalam jadual berikut.

Jadual 8 Jumlah Rijal dan Guru Riwayat al-kutub al-Sab'ah Partisipan Indonesia

AL-KUTUB AL-SAB'AH	JUMLAH RIJAL SALASILAH SANAD PARTISIPAN SAMPAI PENGARANG AL-KUTUB AL-SAB'AH	NAMA GURU RIWAYAT AL-KUTUB AL-SAB'AH	KAEDAH PERIWAYATAN SALASILAH AL-KUTUB AL-SAB'AH
<i>Al-Muwatta'</i>	22	Syeikh Malik bin al-'Arabi al-Sanussi (Morocco)	<i>Al-qira'ah</i> dan <i>al-ijazah</i>
<i>Sahih al-Bukhari</i>	23	Syeikh Muhammad bin Mahmud Hasyim al-Hasyimi (Mesir)	<i>Al-qira'ah</i> dan <i>al-ijazah</i>
<i>Sahih Muslim</i>	22	Syeikh Najah Siyam al-Mansuri (Mesir)	<i>Al-ijazah</i>
<i>Sunan Abi Dawud</i>	23	Syeikh 'Ahmad 'Ashur al-Makki (Mekah)	<i>Al-ijazah</i>
<i>Sunan al-Tirmidhi</i>	25	Syeikh Ahmad Fahmi Zamzam (Indonesia)	<i>Al-ijazah</i>
<i>Sunan al-Nasa'i</i>	21	Syeikh 'Umar Hamid al-Jaylani (Mekah)	<i>Al-ijazah</i>
<i>Sunan Ibn Majah</i>	21	Syeikh 'Ali Zayn al-'Abidin al-Ja'fari (Madinah)	<i>Al-ijazah</i>

Sumber M. Husni (t. th)

4.2 Kaedah Perawayatan Salasilah Sanad al-Kutub al-Sab'ah

Jadual turut menunjukkan taburan metode perawayatan salasilah sanad tujuh buah kitab *turath* hadis terbabit. Ia melibatkan dua metode utama iaitu *al-qira'ah* dan *al-ijazah*.

4.3 Sampel Salasilah Sanad Kitab *Turath* Hadis

Terdapat 24 *rijal* termasuk partisipan yang tersenarai dalam salasilah sanad sehingga sampai kepada pengarang *Sahih al-Bukhari* iaitu Imam al-Bukhari. Rantaian nama-nama peringkat *rijal* satu sehingga sampai *rijal* kesembilan turut ditemui ada direkodkan dalam Karya AWM Ibn Hajar al-'Asqalani berjudul *al-Majma' al-Mu'assis li Mu'jam al-Mufahris*. Peringkat *rijal* satu hingga *rijal* ke 24 adalah sebagaimana yang direkodkan dalam karya AWM partisipan berjudul *Ghayah al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh*.

Jadual 8 Salasilah Sanad *Sahih al-Bukhari* Partisipan

BIL	KURUN	NAMA RIJAL/PERAWI	SUMBER SALASILAH
1	3H	Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (w. 256H)	Peringkat <i>Rijal</i> 1 Hingga 9: Karya AWM Ibn Hajar al-'Asqalani berjudul <i>al-Majma' al-Mu'assis li Mu'jam al-Mufahris</i>
2	4H	Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yusuf bin Matar bin Salih bin Bashar al-Firabri (w. 320H)	
3		Abu Muhammad 'Abd Allah bin Ahmad al-Sarkhasi (w. 381H)	
4	5H	Syeikh Abi al-Hasan 'Abd al-Rahman bin Mazfar bin Muhammad bin Dawud al-Dawudi (w. 467H)	
5	6H	'Abd al-Awwal bin 'Isa bin Shu'ayb al-Sajazi al-Harawi (w. 553H)	
6	7H	Syeikh Sirajuddin al-Hussayn bin al-Mubarak al-Hanbali al-Zabidi (w. 631H)	
7	8H	Syeikh Abi al-'Abbas Ahmad bin Abi Talib al-Hajjar (w. 730H)	
8	9H	Syeikh Zaynuddin Ibrahim bin Ahmad al-Tanukhi (w. 800H)	
9		Syeikh Syihabuddin Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani (w. 825H)	
10	10H	Syeikh al-Islam Abi Yahya Zakariyya bin Muhammad al-Ansari (w. 926H)	Peringkat <i>Rijal</i> 1 hingga 16: Karya AWM al-Barni berjudul <i>al-Anaqid al-Ghaliyyah min al-Asanid al-'Aliyyah</i>
11		Muhammad Badruddin al-Ghazzi (w. 984H)	
12	11h	Najmuddin Abu al-Barakat Muhammad bin Muhammad Badruddin (w. 1061H)	

13	12H	Syeikh Ibrahim al-Kaurani (w.1111H)	Peringkat Rijal 1 hingga 26: Karya AWM Partisipan berjudul <i>Ghayah al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh</i>
14		Syeikh Abi Tahir al-Burhan al-Kaurani al-Madani (w.1145H)	
15		Shah Waliyullah Ahmad bin 'Abd al-Rahim al-Dihlawi (w.1174H)	
16		Shah 'Abd 'al-'Aziz al-Dihlawi	
17		Syeikh Abu Sa'id al-Dihlawi al-Mujaddi (w. 1249H)	
18	13H	Syeikh 'Abd al-Ghaniyy al-Dihlawi (w. 1296H)	
19	14H	Syeikh Sayyid 'Abd al-Kabir al-Kattani bin Muhammad al-Kattani al-Idrisi (w. 1333H)	
20		Syeikh Sayyid Muhammad 'Abd al-Hayy bin 'Abd al-Kabir al-Kattani (w. 1382H).	
21		Syeikh Sayyid 'Alawi bin 'Abbas al-Maliki (w.1391H)	
22		Syeikh Sayyid Muhammad bin 'Alawi bin 'Abbas al-Maliki (w. 1425H)	
23	15H	Syeikh Muhammad bin Mahmud Hashim al-Hashimi	Partisipan
24			

Sumber M. Husni (t.th) al-Barni (1988) Ibn Hajar al-'Asqalani (1992)

4.4 Biodata Perawi Salasilah Sahih al-Bukhari Abad 14 dan 15H

Berikut diperkenalkan lima biodata perawi salasilah partisipan daripada abad 14H dan 15H sahaja.

Biodata Perawi ke 19: Syeikh Sayyid 'Abd al-Kabir al-Kattani bin Muhammad al-Kattani al-Idrisi (w. 1333H)

Nama lengkap beliau ialah Abu al-Mukaram 'Abd al-Kabir bin Muhammad bin 'Abd al-Wahid bin Ahmad bin 'Umar al-Hasani al-Idrisi al-Kattani al-Fasi. Beliau dilahirkan pada tahun 1268H di Fas, Morocco. Bapa beliau merupakan tokoh sandaran ilmu beliau yang utama. Antara guru riwayat beliau yang terkenal antaranya ialah 'Abd al-Ghaniyy bin Abi Sa'id al-Dihlawi. Beliau berkesempatan memperolehi periwayatan ilmu daripada tokoh berkenaan semasa kedua-duanya mengerjakan haji pada tahun 1295H. Beliau memiliki ramai murid riwayat antaranya adalah anak beliau sendiri iaitu Syeikh Sayyid Muhammad 'Abd al-Hayy bin 'Abd al-Kabir al-Kattani (w. 1382H). Rantaian sanad keilmuan beliau ada direkodkan dalam lima buah karya *al-thabat* antaranya berjudul *Tarjamah 'Abd al-Kabir al-Kattani*. Ia disusun oleh anak beliau; Syeikh Sayyid Muhammad 'Abd al-Hayy al-Kattani (w. 1382H). (al-Mar'ashli, 2002).

Biodata Perawi ke 20: Syeikh Sayyid Muhammad 'Abd al-Hayy bin 'Abd al-Kabir al-Kattani (w. 1382H).

Nama lengkap beliau ialah Sayyid Muhammad 'Abd al-Hayy bin 'Abd al-Kabir bin Muhammad bin 'Abd al-Wahid al-Kattani al-Idrisi al-Magribi al-Fasi al-Maliki. Beliau dilahirkan di Fas pada tahun 1300H. Tokoh merupakan *musnid* terkenal pada zamannya. Beliau dianugerahkan kecenderungan dan minat yang luar biasa dalam kegiatan periwayatan ilmu-ilmu Islam dan gemar menemui ilmuwan Islam yang berusia lanjut. Beliau mengaktifkan diri untuk komited dalam meriwayatkan kitab-kitab *turath* dan *ijazah-ijazah* ilmu serta dedikasi dalam menghasilkan karya-karya *al-athbat* dan *al-faharis*. Beliau memiliki murid riwayat mencecah hampir 500 orang terdiri daripada guru lelaki dan wanita di wilayah timur dan barat negara Islam. Karya beliau berjudul *Fahras al-Faharis* merupakan karya kategori AWM yang terkenal dan menjadi rujukan penting dalam arena periwayatan salasilah sanad keilmuan Islam. Beliau berhasil menjadi pakar bidang dalam keilmuan sanad dalam usia awal sebelum umurnya mencapai 40 tahun dan pencapaian ini adalah tidak terbanding pada ketika itu. Usaha beliau mendapat pujian dan sokongan ilmuwan Islam. Bahkan mereka saling berlumba untuk memperolehi sanad daripada beliau. (al-Mar'ashli, 2002).

Biodata Perawi ke 21: Syeikh Sayyid 'Alawi bin 'Abbas al-Maliki (w.1391H)

Nama lengkap beliau ialah Sayyid 'Alawi bin 'Abbas bin 'Abd al-'Aziz bin 'Abbas bin Muhammad al-Idrisi al-Hasani. Beliau merupakan ulama kelahiran Mekah. Dilahirkan pada tahun 1327H. Beliau berguru dengan para ilmuwan Mekah yang terkenal antaranya ialah 'Umar Hamdan al-Mahrasi (w. 1368H). Antara guru *ijazah* beliau yang terkenal adalah Muhammad Zahid al-Kauthari (w.1371H) dan Syeikh 'Abd al-Hayy al-Kattani (w. 1382H). Antara karya terbaik beliau adalah *Sharh Bulug al-Maram* dan *al-Manhal al-Latif fi Ahkam al-Hadith al-Da'if*. Salasilah sanad keilmuan beliau telah dikumpul dan dibukukan oleh anak beliau; Syeikh Sayyid Muhammad yang diberi judul *Ithaf Dhaw al-Himam al-'Aliyyah bi Raf' Asanid Waladi al-Saniyyah*. (al-Mar'ashli, 2002).

Biodata Perawi ke 22: Syeikh Sayyid Muhammad bin 'Alawi bin 'Abbas al-Maliki (w. 1425H)

Nama lengkap beliau ialah Muhammad al-Hasan bin al-‘Alawi bin ‘Abbas bin ‘Abd al-‘Aziz bin ‘Abbas bin Muhammad al-Idrisi al-Maliki al-Hasani al-Makki. Tokoh dilahirkan pada tahun 1367H di Mekah al-Mukarramah. Beliau mendapat didikan dalam lingkungan keluarga yang terkenal sebagai ilmuwan Mekah yang disegani. Datuk beliau Sayyid ‘Abbas al-Maliki merupakan ulama Mekah dan Qadi Mekah. Bapa beliau Sayyid ‘Alawi al-Maliki merupakan tenaga pengajar di Masjid al-Haram Mekah. Tokoh banyak melakukan perjalanan menuntut ilmu antaranya seperti ke Mesir, India dan Pakistan. Beliau memperolehi doktor falsafah di Universiti al-Azhar, Mesir. Beliau memiliki guru riwayat dan guru *dirayah* sebanyak 79 orang. Antara guru beliau yang terkenal adalah Muhammad Zakariyya al-Kandahlawi (w. 1402H). Beliau mengarang sejumlah 43 buah karya dan tujuh daripadanya merupakan karya kategori AWM. Bidang kepakaran beliau adalah hadis dan fiqah empat mazhab. (al-Mar‘ashli, 2002)

Biodata Perawi ke 23: Syeikh Muhammad bin Mahmud Hashim al-Hashimi

Nama lengkap beliau ialah al-Sayyid Muhammad Ibn Sayyid Mahmud Ibn al-Sayyid Ahmad ibn al-Sayyid Muhammad Hashim al-Hashimi al-Misri. Beliau lahir pada tahun 1381H di Mesir. Beliau merupakan tokoh besar ilmuwan Universiti al-Azhar dalam bidang hadis dan sanad. Beliau mendapat pendidikan sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah dari Kuliyyah Usuluddin di Kaherah Mesir. Beliau menjawat pelbagai jawatan akademik di Kulliyah Usuluddin dan Dakwah di Zaqaziq, Mesir termasuk lantikan sebagai Dekan fakulti berkenaan. Beliau memiliki sejumlah guru riwayat antaranya ialah Sayyid Muhammad bin Sayyid ‘Alawi bin Sayyid ‘Abbas al-Maliki, Syeikh Ahmad ‘Umar Hashim al-Azhari dan lain-lain. Antara murid riwayat beliau yang terkenal adalah Dr. Usamah Sayyid Mahmud al-Azhari. (M. Husni, t.tn)

5. Faktor Kelangsungan Karya

Partisipan kajian menggariskan tiga peranan penting karya AWM dalam konteks pemeliharaan turath keilmuan Nabi Muhammad SAW terutama dalam konteks persambungan sanad, ulama bersanad dan sanad sebagai landasan periwayatan ilmu-ilmu agama Islam terutamanya ilmu hadis. Ketiga-tiga faktor ini juga pada masa yang sama merupakan faktor kelangsungan karya AWM.

5.1 Sumber Rujukan Biodata Ulama Pewaris Nabi

Partisipan berpandangan bahawa karya AWM berperanan penting sebagai rujukan berkaitan biodata seseorang ulama pewaris ilmu Nabi SAW. Ini adalah kerana karya-karya ini berterusan memuatkan biodata ulama terbabit yang hidup pada setiap kurun masing-masing. Justeru, penyelidikan bersangkutan tahkik biodata ulama terutamanya pada nota kaki sesebuah penulisan berhasil dilakukan. Pada masa yang sama, ia juga turut mengurangkan risiko kehilangan maklumat berkaitan biodata ulama pada setiap kurun terbabit kerana biodata guru dalam konteks ilmu hadis adalah amat berharga. Partisipan dipetik berkata:

bila sibukkan tarajim daripada ulama-ulama itu menjadi maraji’ para ulama yang kepada kitab-kitab yang lain. Sehingga ulama hadis jarang sekali tarajim gak ada. Selalunya ada, ulama hadis itu selalunya ada tarajimnya, kerna muridnya itu selalunya akan buat tarajim biografi sahabat dan gurunya. Sehingga mudah untuk orang yang ahli hadis. Contoh mudahnya itunya pa, tahqiq. Tahqiq kitab di bawah nota kakinya tu kan si polan. Untuk mengenalkan si polan itu diletakkan di bawah kakinya itu si polan nama lengkapnya ini, lahirnya tahun ini, meninggalnya tahun ni. Inikan ilmu tahqiq ni. Jadi ini semua diambil daripada kitab-kitab athbat wal masanid. (TB/P2/10.03.2020).

5.2 Sumber Pengetahuan Persambungan Sanad Ulama

Partisipan juga berpandangan bahawa karya AWM menjadi dokumen bersejarah yang bernilai apabila membabitkan ilmu pengetahuan berkaitan persambungan sanad ilmu-ilmu Islam yang dimiliki oleh ulama dunia Islam. Karya-karya ini mendedahkan secara terperinci historikal periwayatan ilmu yang bersambungan antara ulama dengan guru-guru berkaitan. Justeru pengenalan nasab persambungan keilmuan mereka dapat dikenal pasti. Partisipan antara lain dipetik berkata:

Jadi saya lebih suka kepada kitab athbat atau fahras yang menyebutkan kepada kita qiraah apa... menyebutkan terjemahnya ulama. Kemudian, dari situ kita juga mengetahui bahawa si polan itu muttasil sanadnya. Muttasil sanad dia kerana disebutkan bahawa si polan meriwayatkan dari si polan, si polan meriwayatkan dari si polan.

Dengan begitu kita sudah menambahkan ilmu kita bahawa kalau si polan ini riwayat dengan si polan ini muttasil (TB/P2/10.03.2020).

Partisipan menaruh keyakinan bahawa masa depan sanad ilmu-ilmu agama atau dalam erti kata mempelajari kitab-kitab *turath* hadis secara bersanad adalah semakin cerah dan mulai mendapat sambutan dalam kalangan penuntut ilmu. Sepanjang beliau memperkenalkan ilmu sanad kitab *turath* hadis ini, para penuntut ilmu menunjukkan minat yang tinggi untuk mengenali salasilah sanad kitab *turath* seperti *Sahih al-Bukhari*. Minat ini akan turut membawa mereka mengenali karya AWM yang membukukan salasilah berkenaan.

6. Kesimpulan

Rentetan daripada itu, berasaskan pandangan partisipan, kajian menyimpulkan bahawa kegiatan *al-musnid* atau pengamal sanad adalah kekal relevan sepanjang kurun. Malah relevansinya juga dapat dikaitkan dalam konteks *al-sama'* iaitu kesahihan bahawa *al-musnid* tersebut telah tekun mendengar sesuatu kitab *turath* hadis tersebut sehingga dapat menyatakan persambungan sanad dengan gurunya yang turut mendengar daripada gurunya secara bertalian sehingga sampai kepada Rasulullah SAW. Pendengaran yang sahih ini dapat membawa kepada kefahaman yang juga sahih. Sehubungan dengan itu, *al-ijazah* turut diaplikasikan demi melengkapkan atau menyempurnakan periwayatan salasilah sanad kitab *turath* hadis. Selain itu, pada masa yang sama, kajian berpandangan keciciran tumpuan terhadap karya AWM nusantara sama ada penghasilan, penerbitan, penyebaran dan penyelidikan adalah berisiko untuk menjejaskan komitmen moral umat Islam rantau ini terhadap nasab ilmu hadis nusantara berteraskan kitab-kitab *turath* hadis. Ia wajar diberi tumpuan selayaknya sejajar kedudukan hadis sebagai sumber syariat Islam kedua selepas al-Quran. Juga sejajar dengan Islam sebagai agama dominan anutan penduduk nusantara khasnya Malaysia dan jirannya; Indonesia.

7. Penghargaan

Makalah ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian Geran Penyelidikan Inovasi KUIS (GPIK KUIS 2019) yang berjudul Kajian Salasilah Sanad Kitab *Turath* Hadis dalam *al-Athbat wa al-Masanid* (AWM) di Malaysia dan Indonesia. No. Kod GPIK KUIS/2019/GPIK-32/GPM/04.

Rujukan

- 'Abd al-Fattah, A. B. (1992). *Al-Isnad min al-Din*. Beirut: Dar al-Qalam.
- 'Ali Jumu'ah, Muhammad. 2004. *Al-Madkhal Ila dirasah al-Madhahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- al-Barni, 'Ashiq al-Ilahi. (1988). *Al-'Anaqid al-ghaliyyah min al-asanid al-'aliyyah*. Deoband: Maktabah Deoband.
- Brown, J.A.C. (2009). *Hadith Muhammad's legacy in the medieval and modern world*. Oxford: Oneworld Publications.
- Farhah Zaidar Mohamed Ramli (2014). Faktor-Faktor Dorongan Aplikasi Talaqqi Bersanad (TB) Dan Keperluan Dalam Pengajian Hadis Di Malaysia. *Tesis Doktor Falsafah*, Jabatan Al-Quran Dan As-Sunnah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Farhah Zaidar et. al. (2017). Salasilah Sanad Kitab *Turath* Hadis Tokoh Ulama Kelantan Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah. *Hadis International Reviewed Academic Journal* vol. 7, no. 14, Disember. <https://hadis.kuis.edu.my/index.php/inhad/article/view/23>
- Ghassan 'Isa, Muhammad Hirmas. (2014). Kutub al-Athbat wa Dauruha fi Hifz Turath Ahl al-Hadith. *Majallah Jami'ah al-Qudsi al-Maftuhah li al-Abhath wa al-Dirasat- Jilid 2* (39): 189-229.
- al-Ghawri, Sayyid 'Abd al-Majid. (2007). *Mu'jam al-mustalahat al-hadithiyyah*. Dimashq: Dar Ibn Kathir.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali. (1992). *Al-Majma' al-mu'assis li al-mu'jam al-mufahris*. Tahqiq: Yusuf 'Abd al-Rahman al-Mar'ashli. Jil. 1. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Kattani, A.H.A. (1982). *Fahras al-Faharis wa al-Athbat wa Mu'jam al-Ma'ajim wa al-Mashyakhat wa al-Musalsalat*. Tahqiq: Ihsan 'Abbas. Jil. 1 & 3. Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiyy.
- al-Mar'ashli, Y. A. R. (2002). *Mu'jam al-Ma'ajim wa al-Mashyakhat wa al-Faharis wa al-Baramij wa al-Athbat*. 4 Jil. Riyad: Maktaba al-Rushd.
- Mohd. Khafidz et. al. (2016). Keprihatinan Ulama Nusantara Dalam Mendokumentasikan Sanad Ilmu-ilmu Pengajian Islam. *Tokoh-tokoh Ulama Melayu Nusantara* (pp. 425-455) Bangi: Pusat Pengajian Teras, KUIS.



Published biannually by:
HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),
Selangor International Islamic University College (KUIS)
Email: jurnalhadis@kuis.edu.my
Web: www.jurnal.kuis.edu.my/hadis/
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279
Vol. 13, No. 25 (JUNE 2023)

- M. Husni, Ginting al-Langkati al-Azhari.(t.th.) *Ghayah al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh*. T.tp: Dar al-Turki li al-Tiba'ah
- M. Husni, Ginting al-Langkati al-Azhari. (2020). Kajian Salasilah Sanad Kitab *Turath* Hadis dalam *al-Athbat wa al-Masanid* (AWM) di Malaysia dan Indonesia. Temu bual, 03 Mac.
- al-Nadwi, Muhammad Akram. 2021. *al-Wafa' bi Asma' al-Nisa' Mausuh Tarajim 'A'lam al-Nisa' fi al-Hadith al-Nabawiyy al-Sharif*. Beirut: Dar al-Najah & Arab Saudi; Dar al-Minhaj.